



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI RABU : 5 APRIL 2017**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO.11 HINGGA NO. 57)**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD  
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING  
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SRI HASAN BIN MALEK [ KUALA PILAH ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**SOALAN :**

**YB Dato' Sri Hasan Bin Malek [ Kuala Pilah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh mana pelan Biro Tatanegara dapat di perkasakan kepada golongan lepasan ijazah, pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta yang utamanya kakitangan Kerajaan bagi menanam jati diri, menyemai semangat patriotisme serta mewujudkan "sense of belonging" terhadap negara.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Biro Tatanegara (BTN), Jabatan Perdana Menteri merupakan agensi peneraju Patriotisme Negara yang menyampaikan informasi melalui program-program patriotisme menerusi pendidikan, latihan, program kesedaran dan perkongsian strategik (NBOS). BTN berperanan untuk memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara serta nilai-nilai murni dan aspirasi bangsa Malaysia untuk mempersiapkan diri mencapai hasrat Malaysia menjadi negara maju.

Sehingga kini BTN masih menjalankan tugasnya sebagai agensi yang berfungsi melaksanakan latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman kenegaraan sekaligus memupuk semangat cintakan negara. Sebagai sebuah agensi yang melatih dan menggerakkan masyarakat yang berbilang kaum ke arah cintakan negara Malaysia, BTN sentiasa mendapatkan pandangan dan maklumbalas secara inklusif untuk mengukuhkan jiwa patriotik rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan fahaman politik dan sentiasa mengkaji kaedah yang lebih baik dan sesuai pada masa ini untuk meningkatkan tahap kecintaan kepada negara.

Pada 18 November 2015 yang lalu BTN telah menambah baik modul dengan memberikan lebih fokus kepada generasi muda diperingkat Sekolah, golongan lepasan ijazah, pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan

swasta serta kakitangan Kerajaan. Pengisian baharu ini akan memberi tumpuan terhadap patriotisme dan kurikulum yang memupuk semangat perpaduan dengan penglibatan semua kaum.

Selain daripada itu, menerusi perbincangan dalam dua (2) siri Meja Bulat yang telah diadakan berkaitan penjenamaan semula BTN pula, BTN akan menjadi peneraju dalam Pendidikan Kenegaraan.

Bagi mewujudkan *sense of belonging* terhadap Negara, disiplin utama kurikulum BTN perlu berdasarkan Konsep Negara yang menekankan elemen-elemen seperti Wilayah (Tanah), Penduduk (Warganegara), Pentadbir (Kerajaan) dan Kedaulatan. Disiplin utama tersebut akan diterapkan di dalam Pendidikan Kenegaraan berpaksikan Rukun Negara, Perlembagaan Persekutuan dan Dasar-dasar Negara seperti Wawasan 2020 dan Gagasan 1Malaysia.

Konsep Negara ini penting untuk diperjelaskan dan difahami oleh masyarakat Malaysia khususnya generasi muda agar semangat patriotisme tidak luntur kerana ia merupakan asas kepada pembentukan sesebuah Negara. Masyarakat bukan sahaja perlu memahami dan mematuhi kandungan Rukun Negara tersebut, malah perlu menghayati falsafah yang terkandung di sebaliknya.

Pendekatan yang digunakan oleh BTN juga akan dipelbagaikan. Bukan sahaja melibatkan program berbentuk kursus dan seminar, malah Pendidikan Kenegaraan ini juga akan diperluaskan dalam pelbagai bentuk yang lebih mudah diterima masyarakat luar khususnya generasi muda bagi

mewujudkan *sense of belonging* terhadap Negara mengikut acuan kita sendiri.

Sepanjang tahun 2015 dan 2016 (hingga September), BTN telah melaksanakan Latihan Transformasi Negara yang melibatkan golongan lepasan ijazah, pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dan kakitangan Kerajaan seperti jadual di bawah:

**PELAKSANAAN LATIHAN TRANSFORMASI NEGARA 2015 HINGGA JAN  
- SEPT 2016 : MENGIKUT BAHAGIAN**

BAHAGIAN / NEGERI	2015		JAN-SEPT 2016	
	BIL LTN	BIL PESERTA	BIL LTN	BIL PESERTA
BAHAGIAN BIROKRAT DAN KORPORAT	656	94,826	323	10,046
BAHAGIAN MAHASISWA DAN BELIA	706	100,471	346	13,494
BAHAGIAN PEMIMPIN MASYARAKAT	705	101,954	342	16,407
BAHAGIAN PENJANA MODAL INSAN	639	89,899	303	7178
<b>JUMLAH</b>	<b>2706</b>	<b>387,150</b>	<b>1314</b>	<b>47,125</b>

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**

**TARIKH : 5.4.2017 (RABU)**

**SOALAN : 12**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah projek-projek pembekalan air yang dirancang atau diluluskan untuk kawasan Parlimen Sarikei di bawah RMK-11 (Rancangan Malaysia Kesebelas). Adakah paip lama digantikan dan tempatnya dialihkan semasa membina Lebuhraya Pan Borneo.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan semakan, terdapat enam projek yang telah dicadang untuk dilaksanakan sepanjang tempoh RMKe-11. Daripada enam projek tersebut, sehingga kini, hanya satu projek yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan berdasarkan senarai keutamaan Unit Perancangan Negeri (SPU), Sarawak. Bagi senarai cadangan projek yang lain, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada senarai keutamaan SPU Sarawak.

Bagi isu pengalihan paip sedia ada yang terlibat dengan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo, Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2016 adalah terpakai untuk semua projek Kerajaan Persekutuan. Mengikut pekeliling tersebut, kos pengalihan paip sedia ada di jajaran Pan Borneo akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan di bawah projek tersebut. Walau bagaimanapun, projek Lebuhraya Pan Borneo adalah di bawah pentadbiran Kementerian Kerja Raya.

Sehubungan itu, bagi isu pengalihan paip lama yang terlibat dengan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo, perkara ini adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) memandangkan kesemua paip ini telah diserahkan kepada mereka bagi tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN**  
**KAWASAN : GERIK**  
**TARIKH : 05 APRIL 2017, RABU**

**SOALAN:**

**YB. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah pihak Kementerian menemui teknologi baru dalam mengatasi masalah jalan berlubang yang sering kali berlaku di negara kita yang mampu mengakibatkan berlakunya kemalangan jalan raya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebiasaannya isu jalan berlubang atau 'pothole' berlaku disebabkan oleh sesuatu jalan itu telah menghampiri had usia atau 'lifespan' semasa sesuatu jalan itu direka bentuk, iaitu antara 10 hingga 20 tahun. Bagaimanapun faktor jalan berlubang boleh berlaku lebih awal apabila laluan tersebut sering digunakan oleh kenderaan berat yang melebihi had muatan yang dibenarkan mengikut peraturan jalan; atau disebabkan oleh faktor bencana banjir. Ini akan memendekkan had usia jalan berbanding tempoh reka bentuk sebenar.

Sehubungan itu bagi mengatasi masalah jalan berlubang, kementerian ini melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menghasilkan reka bentuk turapan yang lebih berdaya tahan, iaitu menggunakan kaedah turapan teknologi baru seperti 'cement stabilised base', 'Polymer Modified Asphalt (PMA) dan Stone Mastic Asphalt (SMA). Di samping itu kementerian ini juga telah menetapkan dasar 5% daripada turapan 'premix' jalan akan menggunakan teknologi turapan sama ada dari jenis konkrit atau PMA/SMA. Teknologi ini juga merupakan salah satu kaedah alternatif JKR untuk mengatasi isu jalan berlubang, terutama di laluan yang melibatkan bilangan kapasiti trafik yang tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini menerusi Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) yang telah mula beroperasi sejak bulan September 2016 yang lalu, akan meneruskan kajian dan penyelidikan yang berkualiti bagi menghasilkan kaedah turapan jalan yang lebih baik pada masa hadapan. Sehubungan itu – selain teknologi PMA/SMA seperti di atas – teknologi turapan jalan lain – contohnya seperti Asfalt Terubahsuai Getah Bekuan ('Cuplump Modified Asphalt' – CMA) atau 'Fibre Mastic Asphalt' (FMA) – akan turut diuji di makmal CREaTE bagi menentukan tahap kesesuaian penggunaannya di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [ INDERA MAHKOTA ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**SOALAN :**

**YB Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan menyedari beberapa laporan yang berpendapat perkhidmatan awam kita adalah antara yang tertinggi daripada sudut nisbah Penjawat:Penduduk . Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengkaji keadaan ini dan jika benar bersedia untuk mengoptimalkan jumlah penjawat awam negara kita.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia tidak mempunyai saiz nisbah yang terbesar di dunia bagi seorang penjawat awam kepada penduduk. Saiz Penjawat Awam di Malaysia amat bergantung kepada peranan Kerajaan dan fungsi penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Pada masa yang sama, Kerajaan juga sentiasa mengambil usaha-usaha untuk mengoptimumkan sumber manusia di sektor awam untuk memastikan sumber manusia sedia ada di sektor awam dapat digunakan sepenuhnya bagi mencapai matlamat untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan sektor awam.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR  
BIN RADIN [  
KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 5.4.2017 (RABU)**

**SOALAN : 15**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan tentang cadangan pelaksanaan pembangunan jalan raya di daerah Kinabatangan iaitu Jalan Kg. Buang Sayang, Jalan Kg. Karamuak, Jalan Kg. Kuamut - Kg. Balat dan Jalan Kg. Rancangan Suan Lamba Peringkat 2.

## **JAWAPAN :**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini memahami keperluan infrastruktur masyarakat luar bandar terutamanya jaringan jalan raya yang selesa. Kementerian ini juga mengambil maklum berkenaan cadangan pelaksanaan pembangunan jalan raya di daerah Kinabatangan.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Jalan Kg. Buang Sayang dan Jalan Kg. Karamuak tidak tersenarai di dalam Senarai Keutamaan Kerajaan Negeri yang telah diterima oleh Kementerian. Walau bagaimanapun, cadangan pembinaan jalan Jalan Kg. Kuamut - Kg. Balat dan Jalan Kg. Rancangan Suan Lamba Peringkat 2 akan disenaraikan dalam permohonan pelaksanaan Projek Jalan Luar Bandar di bawah RMKe-11, RP 3 Tahun 2018. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR  
DEVARAJ [ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 5.4.2017 (RABU)**

**SOALAN : 16**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan sama ada projek  
pembangunan ladang di PPMS, Perlop Satu, Sg Siput U  
dapat menangani masalah pengangguran di antara  
penduduk PPMS.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Salah satu inisiatif bagi meningkatkan taraf ekonomi penghuni desa yang dilaksanakan oleh Kementerian ini adalah melalui Projek Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS). Komponen program ini merangkumi penyediaan rumah yang selamat dan selesa dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur serta aktiviti ekonomi kepada peserta PPMS yang terdiri daripada golongan miskin dan miskin tegar.

Pelaksanaan projek perladangan di Ladang FELCRA Perlop 1, telah dimulakan pada tahun 2014 dengan tanaman getah meliputi keluasan 500 hektar. Kerja-kerja penanaman telah disiapkan sepenuhnya pada 15 Februari 2017 dan dijangka akan mengeluarkan hasil pada tahun 2024.

Untuk makluman Yang Berhormat, dengan pembukaan ladang ini, diunjurkan 158 peluang pekerjaan disediakan meliputi pekerja pertanian am atau menjadi penoreh getah. Selain itu, masyarakat setempat juga boleh melibatkan diri dalam bidang

keusahawanan dengan menjalankan kerja-kerja kontrak penyelenggaraan ladang atau menyediakan perkhidmatan pengangkutan hasil ladang. Sehingga kini, seramai 30 orang penduduk di PPMS Perlop 1, Sungai Siput (U) telah berkerja sebagai pekerja am di ladang getah dengan purata pendapatan bulanan sebanyak RM1,000 dan peluang pekerjaan ini sentiasa terbuka kepada penduduk PPMS yang berminat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK HAJAH NORAH  
BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**SOALAN :**

**YB Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan yang dapat diambil untuk mempercepatkan tuntutan perjalanan kepada penjawat awam yang berkhidmat di kawasan pedalaman di mana mereka perlu menggunakan wang sendiri dahulu sewaktu bertugas dan ada sesetengah daripada mereka yang tidak mampu untuk berbuat demikian.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran tuntutan perjalanan penjawat awam diproses oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Kementerian dan agensi masing-masing. Penjawat awam yang mengemukakan tuntutan perjalanan harus menyertakan dokumen sokongan yang lengkap supaya PTJ dapat memproses tuntutan tersebut dengan lebih cepat. Ia juga secara tidak langsung membantu PTJ menjelaskan tuntutan dalam tempoh 14 hari selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103(a).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN GOOI HSIAO-  
LEUNG [ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Gooi Hsiao- Leung [ Alor Setar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapa yang telah dilantik untuk bertindak sebagai penyelaras untuk menyelia dan memohon penggunaan peruntukan khas kawasan pilihan raya Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen Alor Setar, yang disalurkan melalui Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN) Kedah adalah Agensi Persekutuan yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan menyelaras peruntukan Kerajaan Persekutuan di kawasan Parlimen Alor Setar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS  
[ BETONG ]**

**TARIKH : 5.4.2017**

**SOALAN :**

**Datuk Amar Douglas Uggah Embas [ Betong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menaiktaraf sekolah-sekolah yang daif di Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pembinaan semula 20 buah sekolah daif di Sarawak pada tahun 2016. Sebanyak 109 buah sekolah turut dibaik pulih oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri menggunakan peruntukan KPM pada tahun 2016. Manakala bagi tahun 2017, KPM sedang dalam perancangan untuk membangunkan semula 30 buah sekolah daif dengan menggunakan kaedah *Industrialized Building System* (IBS).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN IGNATIUS DORELL  
LEIKING [ PENAMPANG ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Perjanjian Malaysia 1963 telah diabaikan atau tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya dan jika tidak, sediakah Kerajaan untuk melaksanakan terma-terma Perjanjian Malaysia mengikut Artikel 8 Perjanjian Malaysia 1963.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi maksud penubuhan Malaysia, Suruhanjaya Cobbold dan Jawatankuasa Antara Kerajaan (*Inter-Governmental Committee*) telah ditubuhkan untuk mengkaji dan merumuskan persetujuan-persetujuan pihak-pihak berkaitan serta mengemukakan syor berhubung dengan *future constitutional arrangements and the form of the necessary safeguards for North Borneo and Sarawak*. Syor-syor dalam Laporan Suruhanjaya dan Jawatankuasa berkenaan, setakat yang dipersetujui oleh Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara (iaitu Sabah), Sarawak dan Singapura telah diterjemahkan dalam Perjanjian Malaysia yang ditandatangani pada 9 Julai 1963 yang kemudiannya telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta Malaysia 1963 [*Akta 26/1963*] dan undang-undang yang berkaitan.

Perjanjian Malaysia merangkumi, antara lain, 20 Perkara yang diutarakan oleh Sabah dan 18 Perkara oleh Sarawak bagi melindungi kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak selepas Malaysia ditubuhkan. Antara perkara yang disentuh ialah agama, bahasa, hak kewarganegaraan, pelajaran dan perkhidmatan awam.

Berdasarkan Artikel VIII Perjanjian Malaysia, pihak-pihak kepada Perjanjian akan mengambil langkah perundangan, eksekutif atau langkah lain bagi

melaksanakan jaminan, janji dan syor yang terkandung dalam Bab 3 serta *Annex A* dan *B* kepada Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (*Report of the Inter-Governmental Committee*) setakat yang tidak diperuntukkan secara nyata dalam Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, peruntukan undang-undang khususnya Perlembagaan Persekutuan juga telah dipinda bagi memberikan perlindungan tambahan dan keistimewaan kepada Sabah dan Sarawak.

Antara peruntukan yang dibuat dalam Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan pelaksanaan Perjanjian Malaysia termasuklah peruntukan khas bagi menjamin kepentingan Sabah dan Sarawak berhubung dengan perkara tanah, peruntukan mengenai kedudukan istimewa anak negeri di Sabah dan Sarawak dalam perkara berkaitan perizaban jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa, danasiswa, keistimewaan pendidikan atau latihan, pemberian permit dan lesen perdagangan atau perniagaan, bilangan tempat dalam universiti, kolej dan institusi pendidikan, dan sekatan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan kepada sesuatu negeri untuk meminjam tidak terpakai bagi Sabah dan Sarawak.

Daripada segi perundangan, Perjanjian Malaysia 1963 telah pun direalisasikan melalui Perlembagaan Persekutuan iaitu undang-undang tertinggi di negara kita dan juga undang-undang lain yang berkaitan. Tambahan pula, kesemua peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang memberikan lebih autonomi dan kedudukan yang istimewa kepada Sabah dan Sarawak tidak boleh dipinda sewenang-wenangnya oleh Kerajaan Persekutuan tanpa persetujuan Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri Sabah

atau Negeri Sarawak jika pindaan itu akan menyentuh perjalanan kuat kuasa Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan perkara-perkara yang melibatkan antara lain, hak rakyat Sabah dan Sarawak untuk menjadi warganegara, keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, kuasa perundangan Badan Perundangan Negeri Sabah dan Sarawak, agama dan penggunaan apa-apa bahasa di Sabah dan Sarawak serta kuota ahli Dewan Rakyat yang diperuntukkan untuk Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL**  
**[PAYA BESAR]**  
**TARIKH : 5 APRIL 2017**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Abdul Manan Bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit yang dimasukkan ke hospital Kerajaan pada tahun 2012, 2013, 2014, 2015, 2016 dan tiga bulan pertama tahun 2017 serta berapa jumlah pesakit yang dirawat di wad kelas satu, kelas dua dan kelas tiga.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Hospital Kerajaan adalah terdiri daripada Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia, Hospital Universiti dan Hospital Angkatan Tentera Malaysia. Jumlah kemasukan pesakit di hospital Kerajaan pada tahun 2012 hingga 2015 adalah seperti berikut:

Tahun 2012 : 2,452,203 kemasukan

Tahun 2013 : 2,302,627 kemasukan

Tahun 2014 : 2,613,612 kemasukan

Tahun 2015 : 2,677,037 kemasukan

Data kemasukan pesakit bagi tahun 2016 dalam proses dimuktamadkan dan dianggarkan dalam lingkungan 2,700,000 kemasukan. Data kemasukan pesakit bagi tiga (3) bulan pertama tahun 2017 juga belum dimuktamadkan dan dianggarkan sebanyak 670,000 kemasukan bagi tempoh tersebut.

Secara keseluruhan, berdasarkan laporan bancian harian pesakit dalam di hospital KKM, pada tahun 2012 hingga 2015, lebih kurang 93 peratus kemasukan di hospital KKM adalah di Wad Kelas Tiga, manakala di Wad Kelas Dua dan Satu masing-masing sebanyak empat (4) peratus dan tiga (3) peratus kemasukan.

**NO. SOALAN: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI  
KAMARUDDIN**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**RUJUKAN : 9703**

**SOALAN:**

**Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [ Ampang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan kes kematian dalam tahanan yang  
masih terus berlaku kerana tiada badan bebas yang boleh menyiasat  
dan mempunyai kuasa untuk mendakwa berikutan kepada kes  
kematian terbaru S Balamurugan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam mengelakkan kejadian kematian dalam tahanan polis atau agensi penguatkuasa yang lain. Kementerian tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat dan tindakan sewajarnya akan diambil sama ada dari sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak Pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.**

**Tiada keperluan untuk mewujudkan badan bebas lain untuk menyiasat kes kematian dalam tahanan memandangkan ketika ini terdapat badan bebas seperti Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) yang diberi kuasa untuk menjalankan siasatan selain daripada yang dijalankan oleh pihak polis. Di samping itu, pihak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dibenarkan membuat pemeriksaan ke atas pusat-pusat tahanan bagi menentukan tahanan diberikan layanan dan kemudahan mengikut piawaian antarabangsa.**

**Bagi mengatasi kes kematian dalam lokap, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menyemak semula *Standard Operating Procedure* (SOP) yang sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baharu di antaranya:-**

- a) Memastikan borang pengesahan penyakit/kecederaan diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri;**
- b) Orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit berisiko tinggi hendaklah dengan seberapa yang boleh diasingkan daripada tahanan lain;**
- c) Lawatan oleh pihak SUHAKAM diadakan untuk menentukan tahanan dibuat mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak antarabangsa;**
- d) Orang tahanan hendaklah seboleh mungkin diasingkan mengikut kategori penahanan mereka sama ada ianya merupakan tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan yang mabuk, penjenayah yang "habitual", tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak;**
- e) Pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan daripada Kementerian Kesihatan; dan**

**f) Menjadikan naziran terhadap lokap polis sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) Kementerian Dalam Negeri mulai tahun 2017. Sehingga kini sejumlah 8 lokap polis telah dilawati oleh Pasukan Naziran.**

**Adalah diyakini dengan transformasi dan langkah-langkah drastik yang telah diperkenalkan ini, kes kematian dalam tahanan dapat ditangani dengan lebih telus dan diterima oleh semua pihak serta dapat mengurangkan kes kematian dalam tahanan.**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [  
SEPANGGAR ]**

**TARIKH : 5.4.2017 (RABU)**

**SOALAN : 23**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan apakah Kementerian  
berhasrat untuk menaiktaraf jalan- jalan luar Bandar  
dalam kawasan parlimen Sepanggar dan jika ada  
mohon senaraikan jalan- jalan tersebut.

## **JAWAPAN :**

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak enam projek di Parlimen Sepanggar telah disiapkan di bawah RMKe-10. Ia melibatkan peruntukan berjumlah RM 50.298 juta dengan jalan sepanjang 22.5 km.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah RMKe-11, satu projek di Parlimen Sepanggar telah diluluskan iaitu Projek Jambatan Di Jalan Mawilla 2, Sepanggar, Sabah dengan peruntukan sebanyak RM 13.5 juta. Projek kini dalam peringkat rekabentuk dan dijangka tender pada Jun 2017.

Sekiranya terdapat keperluan dan cadangan pembinaan jalan, dimohon Yang Berhormat untuk mengemukakan keperluan tersebut kepada Kerajaan Negeri sebagai senarai keutamaan dan pihak Kementerian akan meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) menjalankan siasatan tapak dan semakan kos sebelum diangkat kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), *Rolling Plan* akan datang.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**RUJUKAN : 9704**

**SOALAN:**

**Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [ Pasir Mas ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah bagi mengatasi aktiviti  
penyalahgunaan dadah yang semakin berleluasa di kawasan Projek  
Perumahan Rakyat (PPR).**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mengambil tindakan berfokus bagi mengatasi aktiviti penyalahgunaan dadah di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR). Pada masa ini, sebanyak 119 buah PPR telah dikenal pasti berada dalam kawasan berisiko berdasarkan maklumat profiling kawasan melalui kaedah *Geographic Information System* (GIS). Daripada jumlah tersebut, 51 buah PPR berada di kawasan berisiko tinggi.**

**Bagi mengatasi aktiviti penyalahgunaan dadah di kawasan tersebut, program pencegahan telah dilancarkan secara berfokus di 51 PPR yang berisiko tinggi dengan melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:**

- i) *Community Empowerment* sebanyak 51 program;**
- ii) *Omnipresence* sebanyak 115 program;**
- iii) Ops Cegah sebanyak 50 program yang melibatkan lawatan dari rumah ke rumah di kawasan PPR;**
- iv) Ops Bersepadu melalui 15 program yang melibatkan agensi penguatkuasa seperti AADK, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Sukarelawan (RELA) dalam operasi mengesan penagih dadah;**
- v) Melantik Ikon Antidadah seramai 8 orang sebagai 'duta' AADK bagi menggerakkan kempen kesedaran pencegahan dadah; dan**

- vi) Menghebahkan program-program yang dilaksanakan oleh AADK melalui media massa (elektronik, cetak, siaran radio dan televisyen).**

**Selain itu, AADK juga menjalankan program rawatan dan pemulihan melalui kaedah *out-reach* di kawasan-kawasan PPR. Ini bertujuan untuk mendekati dan mengesan kes-kes penagih dadah yang berada dalam pengawasan dan seterusnya melibatkan mereka dalam program-program susulan yang bersesuaian.**

**NO. SOALAN: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**RUJUKAN : 9706**

**SOALAN:**

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa ops payung adalah amat berkesan dalam pencegahan kejadian jenayah serta mempertingkatkan kehadiran polis di kalangan masyarakat, justeru adakah Kementerian mempertimbangkan untuk memperluaskan Ops Payung dan memperuntukan dana bagi inisiatif.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa komited bagi menentukan kadar perlakuan jenayah dalam negara dapat dikawal dan dikurangkan setiap tahun dengan melaksanakan pelbagai program pencegahan jenayah. Antara pendekatan awal yang diperkenalkan adalah menerusi "Op Payung" yang melibatkan kehadiran anggota polis di sesuatu kawasan yang dikenalpasti mempunyai kadar jenayah yang tinggi.**

**Sejajar dengan tuntutan masyarakat yang inginkan kehadiran polis meliputi kawasan yang lebih luas, pihak PDRM telah memperkenalkan konsep rondaan secara bermotosikal (Unit Rondaan Bermotosikal-URB) bagi menggantikan "Op Payung". Dengan wujudnya URB, kawasan rondaan boleh diperluaskan dan tindakan yang lebih pantas dalam menangani jenayah boleh diambil berbanding dengan "Op Payung" yang mana pergerakan anggota polis adalah terhad kepada kawasan rondaan yang kecil.**

**Di bawah inisiatif ini, kerajaan telah meluluskan pembelian sebanyak 3,218 buah motosikal untuk diagihkan di seluruh negara. Kesan daripada penubuhan URB ini, kadar jenayah terutama di kawasan perumahan, kawasan Industri dan kawasan perbankan telah menunjukkan penurunan yang ketara.**

**Bagi meningkatkan lagi keberkesanan program pencegahan jenayah, PDRM juga telah memperkenalkan beberapa inisiatif baharu seperti berikut:-**

**i)      **Kepolisan Komuniti****

**Menjadikan masyarakat sebagai rakan seperjuangan untuk bersama memerangi jenayah. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti pameran, ceramah, sukaneka dan melaksanakan kempen bersama membanteras jenayah atau *United Against Crime (UAC)* bagi meningkatkan penyertaan masyarakat bersama pihak berkuasa untuk membanteras jenayah;**

**ii)     **Program “*Go-To-Safety Points*”****

**Melibatkan kerjasama di antara pihak berkuasa dengan pihak swasta di mana pekerja syarikat yang menyertai program ini iaitu *7-Eleven*, *Pos Malaysia Bhd* dan stesen minyak *Petron* serta *Shell* dilatih oleh PDRM untuk memberikan bantuan awal sekiranya berlaku kejadian jenayah;**

### **iii) Rondaan Cegah Jenayah**

**Polis bersama persatuan penduduk atau persatuan rukun tetangga akan membuat rondaan secara bersama di kawasan-kawasan perumahan. Inisiatif ini dibuat untuk memupuk rasa tanggungjawab di kalangan rakyat untuk berganding bahu dengan pihak polis dalam membanteras jenayah.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN N SURENDRAN A/L  
K NAGARAJAN [ PADANG SERAI ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan N Surendran A/L K Nagarajan [ Padang Serai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi memberi jaminan pegangan jawatan (security of tenure) bagi Peguam Negara.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peguam Negara ialah suatu jawatan yang telah diwujudkan di bawah Fasal (1) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah, atas nasihat Perdana Menteri, melantik seseorang yang layak menjadi hakim Mahkamah Persekutuan sebagai Peguam Negara bagi Persekutuan.

Fasal (2) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa menjadi kewajipan Peguam Negara menasihati Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang, dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang, yang dari semasa ke semasa dirujuk atau ditugaskan kepadanya oleh Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri, dan menunaikan fungsi yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Fasal (5) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Peguam Negara hendaklah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan melainkan jika dia ialah anggota Jemaah

**Menteri, hendaklah menerima apa-apa saraan yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.**

**Sekian, terima kasih.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH : 5.4.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Ahmad Nazlan Bin Idris [ Jerantut ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan berapakah jumlah guru-guru yang berduka lara telah berjaya disatukan kembali bersama keluarga dan apakah kriteria utama yang diambil perhatian Kementerian berhubung permohonan pertukaran guru ini.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2016 seramai 6,926 guru atau 80 peratus daripada 10,344 guru yang diluluskan pertukaran adalah kes duka lara, iaitu guru tersebut telah berjaya disatukan bersama pasangan masing-masing. Kriteria utama yang diambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi kelulusan adalah pasangan yang terpisah di negeri yang berbeza. Selain daripada itu, kriteria lain juga turut dipertimbangkan bergantung kepada kekosongan perjawatan dan keperluan opsyen.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD. SAMAD**  
**KAWASAN : SHAH ALAM**  
**TARIKH BAHAS : 5 APRIL 2017**  
**NO. SOALAN : 28**

**TUAN KHALID BIN ABD. SAMAD** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tindakan kerajaan untuk menentukan bahawa pelaburan dan pinjaman dari Negara Komunis China tidak akan menghasilkan keadaan penjajahan ekonomi negara oleh Komunis China.

## **Jawapan:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. China merupakan antara sumber pelaburan langsung asing utama negara. Syarikat-syarikat seperti Ye Chiu Non-Ferrous Metal (M) Sdn Bhd (logam asas), Comtec Solar International (M) Sdn Bhd (industri solar), Jinko Solar Technology Sdn Bhd (industri solar), Ji Kang Dimensi (M) Sdn Bhd (logam asas), Xiamen University (perkhidmatan pendidikan), Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd. (ICT) dan CSR Rolling Stock (M) Sdn Bhd. adalah di antara syarikat China yang telah melabur di Malaysia.
2. Jika kita lihat kepada pelaburan dalam sektor pembuatan, bagi tempoh Januari hingga Disember 2016, jumlah pelaburan yang **diluluskan** dari negara China dalam sektor pembuatan adalah berjumlah RM4.8 bilion. Pelaburan ini melibatkan 33 projek dan dijangka akan menjana 10,147 peluang pekerjaan. Pelaburan yang diluluskan dari negara China merupakan pelaburan langsung asing yang terbesar bagi tempoh ini. Daripada jumlah pelaburan ini, sektor industri barangan elektronik dan elektrik mencatatkan pelaburan langsung asing (FDI) yang tertinggi dari negara

China iaitu berjumlah RM1.8 bilion, diikuti dengan industri barangan galian bukan logam (RM1.4 bilion) dan industri barangan logam asas (RM1.3 bilion).

3. Bagi jumlah pelaburan dari negara China yang telah **direalisasikan** setakat tahun 2016, Malaysia telah mencatatkan jumlah pelaburan akumulatif dari negara China sebanyak RM14.2 bilion dalam sektor perkilangan. Pelaburan ini melibatkan 220 projek dan telah menjana 33,020 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan yang direalisasikan ini, sektor barangan logam asas mencatatkan pelaburan yang tertinggi iaitu sejumlah RM6.4 bilion, diikuti dengan industri barangan elektronik dan elektrik (RM4.7 bilion), industri barangan galian bukan logam (RM1.4 bilion) dan industri tekstil and barangan tekstil (RM560.9 juta). Pelaburan yang telah direalisasikan dari negara China setakat tahun 2016 berada di kedudukan kelapan.
  
4. Syarikat-syarikat dari negara China turut melabur dalam projek-projek infrastruktur di Malaysia. Kerajaan menggalakkan usahasama dan penglibatan syarikat-syarikat kerajaan dan sektor swasta dalam projek-projek pembangunan bagi merancakkan ekonomi negara,

seterusnya memberi peluang dan membangunkan rantaian bekalan perkhidmatan oleh syarikat-syarikat tempatan.

5. FDI di sektor pembuatan juga telah membawa pertumbuhan kepada perkhidmatan sokongan seperti pengurusan perbendaharaan, teknologi maklumat, kejuruteraan, pengurusan sumber manusia, logistik dan pembelian. Momentum yang kukuh dibina pada industri perkongsian perkhidmatan telah mendorong penubuhan fungsi ibu pejabat serantau.
6. Syarikat-syarikat asing di Malaysia juga telah meningkat pengambilan modal insan tempatan, khususnya untuk kemahiran pengurusan. Semasa bekerja di syarikat-syarikat multinasional, bakat tempatan dapat mempelajari kemahiran keusahawanan di samping menimba ilmu.
7. Syarikat-syarikat gergasi China juga mengambil bahagian dalam pelaburan strategik jangka panjang di negara kita seperti pembangunan Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (Malaysia-China Kuantan Industrial Park - MCKIP), projek pelabuhan laut dalam dan perindustrian maritim di Melaka (Melaka Gateway) dan juga penubuhan

kampus Universiti Xiamen di Malaysia.

8. Satu lagi contoh ialah projek Forest City yang merupakan pembangunan bersama dengan Esplanade Danga 88 Sdn. Bhd. (EDSB), sebuah syarikat dimiliki sebahagiannya oleh Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ). Projek ini mempromosikan Sistem Bangunan Industri (Industry Building System - IBS) dalam jangka masa 20 tahun. Ia akan mewujudkan lebih 220,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia pada tahun 2025. Projek ini dijangka menerajui landskap pembangunan sektor hartanah dan pembinaan di Malaysia.
  
9. Selain itu, sebahagian daripada pelaburan China terletak di kawasan kurang maju. Pembangunan MCKIP di Pahang sebagai contohnya, akan merangsang perniagaan tempatan, menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia dan menjadi pemangkin pertumbuhan pelaburan di negeri tersebut. Sungguhpun China atau mana-mana negara melabur di Malaysia, pelabur-pelabur tersebut wajib mematuhi undang-undang dan peraturan tempatan yang telah ditetapkan.

10. Malaysia mengamalkan ekonomi terbuka dan sentiasa menggalakkan pelaburan dari semua sumber menerusi dasar perdagangan yang mesra pelabur. Kita sentiasa peka dan sedar akan keperluan untuk melindungi kepentingan negara. Kita perlu terus berdagang dengan pelbagai negara di seluruh dunia. Pertumbuhan perdagangan akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.
  
11. Dalam pada itu, sangkaan bahawa pelaburan China merupakan salah satu bentuk penjajahan komunis adalah tidak benar sama sekali. Benua Asia kini masih mempunyai momentum pembangunan dan transformasi ekonomi yang memberangsangkan. Dengan itu, di kala fenomena ekonomi global yang tidak menentu, faktor pelaburan dan perdagangan dari negara China akan memberi kesan-kesan positif kepada pembangunan ekonomi negara dan akan meningkatkan hubungan dua hala antara Malaysia dan China.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK DR. MAKIN @  
MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**SOALAN :**

**YB Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) apakah pihak Kerajaan sedia untuk meminda Perlembagaan Persekutuan Malaysia Akta 153 bagi membolehkan Orang Asli menikmati status dan hak yang sama dengan Orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak; dan**
- (b) apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan atas dakwaan sesetengah pihak bahawa Orang Asli telah dizalimi dan dipinggirkan.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa pembentangan Rang Undang-Undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1971 [Akta A30] di Dewan Rakyat pada 23 Februari 1971, YAB Perdana Menteri pada ketika itu menyatakan seperti yang berikut:

*"Tuan Speaker,*

*...*

*Tujuan asas bagi Article 153 itu ia-lah untuk memberi kesempatan kepada orang2 Melayu maju dengan lebih pesat supaya dapat pada satu masa kelak mereka bertanding dengan orang-orang bukan Melayu dengan mempunyai syarat-syarat kelayakan dan kebolehan yang sama, kerana pada masa ini ada-lah di-akui bahawa orang2 Melayu belum menchapai kemajuan yang sama pesat dengan orang2 yang bukan Melayu. Hakikat yang sama saperti ini terdapat juga di-kalangan bumiputera Negeri-negeri Malaysia Timor. ..."*

*...*

*Keistimewaan-keistimewaan yang boleh di-beri oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Article 153 kepada bumiputera Sabah dan Sarawak ia-lah mengenai dengan perkara-perkara Federal sahaja, ia-itu perkara yang di-bawah kekuasaan Kerajaan Pusat. Pindaan-pindaan ini tidak-lah sekali-kali akan menchachatkan kuasa-kuasa Negeri untuk memberi keistimewaan-keistimewaan kepada*

*bumiputera2 di-dalam kedua-dua buah Negeri yang tersebut dalam perkara2 yang terletak di-dalam ke-kuasaan Negeri itu. Dengan pindaan-pindaan ini, maka jelas-lah bahawa bumiputera Sabah dan Sarawak ada-lah di-letak kepada satu kedu-dokan yang sama dengan orang-orang Melayu dalam Negeri-negeri di-Malaysia Barat.”*

Berdasarkan ucapan YAB Perdana Menteri dalam perenggan 1, jelas bahawa Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan bertujuan untuk memberikan perlindungan dan keistimewaan kepada orang Melayu dan anak negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak.

Walaupun orang asli tidak tergolong di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, namun Kerajaan bertanggungjawab juga untuk melindungi kepentingan yang sah kaum-kaum lain mengikut Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan termasuklah orang asli. Selain itu, perlindungan kepada orang asli juga telah diperuntukkan di bawah Fasal (5) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

Perlindungan kepada orang asli yang diperuntukkan di bawah Fasal (5) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan telahpun dilaksanakan melalui pelbagai cara antaranya dengan penggubalan Akta Orang Asli 1954 [*Akta 134*] yang mewujudkan kawasan orang asli ("*aboriginal area*") dan rizab orang asli ("*aboriginal reserve*").

Hak kepada tanah yang berpihak kepada orang asli pula telah diputuskan dalam beberapa kes Mahkamah seperti penghakiman dalam kes ***Sagong Tasi & Ors. v. Kerajaan Negeri Selangor & Ors. [2002] 2 CLJ 543*** yang

menyatakan bahawa *“it is manifestly clear that under art. 8(5)(c) of the Constitution and the Act the plaintiffs have the right to be protected and the right to well-being and advancement, in particular to land use.”*

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN : 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BT  
WAN ISMAIL [ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Bt Wan Ismail [ Permatang Pauh ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan berikutan penutupan pusat-pusat Tourism Malaysia di peringkat antarabangsa dan dalam negara, berapakah bilangan kakitangan awam yang terlibat kesan daripada penutupan dan penjimatan perbelanjaan serta apakah Kerajaan bercadang untuk membubarkan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.**

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penutupan lima (5) buah pejabat Tourism Malaysia Luar Negeri dan sepuluh (10) buah pejabat Tourism Malaysia Negeri dianggarkan dapat menjimatkan kos sebanyak RM17.26 juta setahun. (RM12.66 juta Pejabat Luar Negeri dan RM4.6 juta Pejabat Negeri)

Penutupan Pejabat Tourism Malaysia Negeri tidak akan melibatkan sebarang penamatan perkhidmatan mana-mana kakitangan. Perjawatan di pejabat Tourism Malaysia Luar Negeri akan dipindahkan semula ke Ibu Pejabat. Manakala bagi perjawatan pejabat Tourism Malaysia Negeri, perjawatan tersebut akan dipindahkan samada ke :

- i) Ibu Pejabat;
- ii) 4 buah Pejabat Tourism Malaysia Wilayah;
- iii) 18 buah Pusat Penerangan Pelancongan; atau
- iv) Pejabat Negeri Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Urusan pengagihan perjawatan ini akan diuruskan bersama-sama dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan (MOF).

Pihak Kerajaan tidak bercadang untuk membubarkan Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**RUJUKAN : 9702**

**SOALAN:**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah terkini yang telah pun diambil untuk mengelakkan berlakunya kematian- kematian di dalam lokap seperti di dalam kes S. Bala Murugan baru-baru ini. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan undang-undang untuk menangani masalah ini.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam mengelakkan kejadian kematian dalam tahanan polis atau agensi penguatkuasa yang lain. Kementerian tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat dan tindakan sewajarnya akan diambil sama ada dari sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak Pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.**

**Bagi mengatasi kes kematian dalam lokap, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menyemak semula *Standard Operating Procedure (SOP)* yang sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baharu di antaranya:-**

- a) Memastikan borang pengesahan penyakit / kecederaan diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri;**
- b) Orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit berisiko tinggi hendaklah dengan seberapa yang boleh diasingkan daripada tahanan lain;**

- c) Lawatan oleh pihak SUHAKAM diadakan untuk menentukan tahanan dibuat mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak antarabangsa;**
- d) Orang tahanan hendaklah seboleh mungkin diasingkan mengikut kategori penahanan mereka sama ada ianya merupakan tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan yang mabuk, penjenayah yang "habitual", tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak;**
- e) Pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan daripada Kementerian Kesihatan; dan**
- f) Menjadikan naziran terhadap lokap polis sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) Kementerian Dalam Negeri mulai tahun 2017. Sehingga kini sejumlah 8 lokap polis telah dilawati oleh Pasukan Naziran.**

**Kementerian tiada cadangan untuk memperkenalkan undang-undang baharu berkaitan perkara ini memandangkan peruntukan undang-undang yang sedia ada sudah mencukupi bagi menyiasat kes kematian dalam tahanan. Di samping itu, terdapat badan bebas seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) yang juga boleh menjalankan siasatan apabila berlakunya sebarang kes**

**kematian dalam tahanan mengikut kuasa-kuasa yang diberikan kepada mereka.**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**  
**KAWASAN : LEMBAH PANTAI**  
**TARIKH : 05 APRIL 2017, RABU**

**SOALAN:**

**YB. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) dapatan siasatan runtuh Jejambat Pejalan Kaki KL Eco City pada Disember 2016 dan tindakan oleh Kerajaan terhadap pemaju dan DBKL; dan
- (b) 'Prosedur Operasi Standard' untuk mengawal selia aspek keselamatan di tapak pembangunan bagi orang awam di sekitar kawasan bandar.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, satu pasukan khas telah ditubuhkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bagi menyiasat insiden kemalangan di tapak pembinaan projek KL Eco City berhampiran Midvalley pada 1 Disember 2016 lalu.

Pada masa kini Laporan Awal Forensik telah disiapkan. Walau bagaimanapun punca kemalangan dan tindakan terhadap pihak yang didapati cuai akan diumumkan setelah laporan penuh hasil siasatan disiapkan pada akhir bulan ini (April 2017). Ini berikutan pasukan khas perlu menunggu hasil ujian makmal sebelum laporan lengkap dapat disiapkan. Jika terbukti terdapat elemen kecuai, tindakan untuk mendakwa pihak terlibat akan diambil mengikut Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (Akta 520), iaitu denda maksimum sehingga RM500,000 atau penjara selama 2 tahun.

(b) Mengenai usaha untuk menangani isu-isu keselamatan dan mengurangkan risiko kemalangan di tapak pembinaan pula – untuk makluman Ahli Yang Berhormat – Pelan Transformasi Industri Pembinaan atau lebih dikenali sebagai CITP ('Construction Industry Transformation Programme') telah dilancarkan oleh Kerajaan sebagai pelan induk Kerajaan bagi mentransformasikan industri pembinaan untuk tempoh dari tahun 2016 hingga 2020.

Sasaran CITP ini turut melibatkan usaha untuk mengurangkan kemalangan di tapak pembinaan sehingga 50% menjelang pada tahun 2020. Di bawah CITP ini, terdapat satu Kumpulan Kerja Teras telah ditubuhkan bagi melihat aspek berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan di tapak pembinaan. Ia telah diwakili oleh pelbagai pihak yang berkepentingan, termasuk wakil dari para pemain industri dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Namun begitu isu berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak pembinaan memerlukan perhatian dan komitmen tinggi daripada semua pihak termasuk agensi-agensi Kerajaan yang

terlibat, dan juga pemain industri. Melalui kerjasama daripada semua pihak terlibat, kementerian ini akan terus berusaha dan sentiasa komited untuk menambah baik keseluruhan proses dalam industri pembinaan terutama yang melibatkan aspek keselamatan orang awam.

Sekian. Terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN**  
**IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**  
**TARIKH : 5 APRIL 2017 [RABU]**  
**SOALAN : 33**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan peranan MOSTI dalam membangunkan Standard Operating Procedure (SOP) berdasarkan standard antarabangsa dalam memastikan operasi asas di kawasan bencana seperti banjir dan gempa bumi, serta bagaimanakah MOSTI memberikan sumbangan di dalam menambahbaik SOP sedia ada pihak-pihak berwajib khususnya Majlis Keselamatan Negara (MKN).

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

*Standard Operating Procedure (SOP)* yang diguna pakai oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) bagi memantau bencana seperti hujan lebat yang boleh menyebabkan banjir dan gempa bumi adalah standing dengan negara-negara maju yang lain. Walau bagaimanapun, SOP ini

perlu disesuaikan dengan mengambil kira keadaan cuaca di Malaysia yang beriklim tropika.

Di pihak MetMalaysia, *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi pengeluaran amaran cuaca buruk seperti hujan lebat yang boleh menyebabkan banjir, merangkumi peringkat pemantauan hingga ke pengeluaran amaran hujan lebat berperingkat iaitu:

(i) **Peringkat Kuning**

Amaran peringkat Kuning akan dikeluarkan apabila analisis model-model cuaca berangka menunjukkan hujan lebat boleh berlaku dalam tempoh satu hingga tiga hari akan datang;

(ii) **Peringkat Jingga**

Amaran peringkat Jingga dikeluarkan apabila hujan yang kadangkala menjadi sederhana lebat mulai turun dan dijangka berterusan; dan

(iii) **Peringkat Merah**

Amaran peringkat Merah dikeluarkan apabila hujan yang sederhana lebat telah bertukar kepada hujan lebat yang berterusan dan dijangka berlaku untuk satu tempoh yang panjang.

Maklumat ini akan disalurkan kepada agensi pengurusan bencana lain seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk pengeluaran amaran banjir.

Bagi memantau bencana gempa bumi, SOP yang dibangunkan dan diguna pakai di MetMalaysia menyediakan garis panduan dan pelan tindakan serta tatacara kerja penyebaran maklumat gempa bumi jika berlaku gempa bumi

yang memberi kesan terhadap Negara. Di samping itu, SOP ini juga mengariskan panduan dan tindakan penyebaran amaran jika terdapat ancaman tsunami kepada Negara.

SOP yang digunakan di MetMalaysia dikemas kini dari semasa ke semasa dengan mengambilkira input-input dari agensi pengurusan bencana yang lain seperti NADMA, JPS dan kerajaan tempatan. Di samping itu, MetMalaysia juga memberikan input-input bersesuaian kepada agensi pengurusan bencana yang lain bagi sama-sama menambahbaik SOP masing-masing.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Selain itu, MOSTI melalui Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) telah membangunkan *Malaysian Standards* (MS) berkaitan gempa bumi. Sebagai contoh, MS EN 1998-1: 2015 telah dibangunkan dengan menggunakan standard Eropah iaitu Eurocode 8 - *Design of structures for earthquake resistance - Part 1: General rules, seismic actions and rules for buildings*. Dalam memastikan bahawa standard ini sesuai diguna pakai di Malaysia, Standards Malaysia sedang membangunkan dokumen MS yang dikenali sebagai *National Annex to MS EN 1998-1* yang dijangka siap pada penghujung tahun ini. Standard ini menyediakan garis panduan rekabentuk struktur bangunan yang tahan kepada gempa bumi.

Penggunaan standard ini akan mengurangkan risiko kesan gempa bumi dengan memastikan jangka hayat, kekuatan dan keselamatan bangunan di

bandar-bandar dan di kampung-kampung yang terdedah kepada bencana gempa bumi seperti Kota Kinabalu, Ranau dan Lahad Datu terjamin.

Standards Malaysia juga terlibat aktif dalam memberikan kesedaran kepada agensi penguatkuasa dan pihak berkuasa tempatan khususnya di Sabah untuk menguatkuasakan dan mengguna pakai dokumen MS tersebut secara efektif demi menjamin keselamatan rakyat.

Di samping itu, terdapat juga beberapa standard lain yang boleh digunakan sebagai rujukan dalam merangka strategi pengurusan risiko jangka pendek dan panjang dalam menghadapi bencana banjir atau gempa bumi. Ini termasuklah pengurusan sebelum, semasa dan selepas sesuatu bencana banjir dan gempa bumi berlaku.

Bagi menggalakkan penggunaan standard-standard ini, Standards Malaysia telah mengambil inisiatif dalam mempromosikan penggunaan standard kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab membangunkan SOP dan garis panduan seperti BOMBA, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) dan Jabatan Kerajaan Tempatan berkaitan pengurusan bencana selaras dengan Arahan Majlis Keselamatan Negara MKN No. 20 : Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDI BIN HASSAN**  
**[ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Rozman Bin Isli [ Labuan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Program Transformasi Industri Teksi (TITP) memberi kelebihan kepada pemandu teksi berdaftar dalam usaha untuk mewujudkan satu persaingan adil walaupun terpaksa bersaing dengan perkhidmatan Uber dan GrabCar yang dilihat menjadi pilihan lebih 55% penumpang kerana faktor harga murah, cepat dan selesa.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Satu makmal khusus telah dilaksanakan bagi mengenal pasti isu-isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pemain industri teksi. Makmal berkenaan telah melibatkan semua *stakeholders* yang berkenaan, termasuk pemandu teksi sendiri, agensi-agensi Kerajaan, syarikat-syarikat teksi dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO).
2. Hasil daripada makmal berkenaan telah melahirkan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) yang menyenaraikan 11 inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi dan pada masa yang sama memberi fokus yang khusus terhadap keperluan dan kebajikan pemandu teksi.
3. Antara inisiatif tersebut ialah untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing*, iaitu aktiviti tempahan perkhidmatan teksi atas talian melalui aplikasi pintar/mudah alih seperti UBER dan Grabcar sebagai perkhidmatan perantara di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Bagi tujuan ini, pindaan kepada undang-undang sedia ada akan dibentangkan di Parlimen pada mesyuarat pertama tahun ini.
4. Langkah kawal selia ini adalah untuk memastikan penggunaan teknologi membawa kesan yang positif bukan sahaja pemandu teksi, pemandu *e-hailing* dan penumpang, malah memberi ruang kepada

usahawan tempatan yang berminat untuk menerokai peluang dalam industri ini melalui pembangunan sistem aplikasi tempatan.

5. Pada masa yang sama, satu rangka polisi baru telah disediakan bagi memastikan pengendali perkhidmatan berkenaan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan memberi manfaat kepada pengguna dan juga pemandu. Ia juga bertujuan untuk memastikan penyelesaian yang adil dan saksama kepada semua pemain industri untuk bersaing secara lebih sihat.

6. Antaranya, penyedia perkhidmatan *e-hailing* akan diwajibkan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Selain itu, prosedur sama yang perlu dipatuhi oleh pemandu teksi juga terpakai kepada semua pemandu *e-hailing*, seperti keperluan untuk memiliki Kad Pemandu yang dikeluarkan oleh SPAD, pemeriksaan kenderaan serta proses saringan dan latihan yang akan ditetapkan. Melalui kaedah ini, kedua-dua perkhidmatan teksi konvensional dan juga *e-hailing* akan dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada orang awam.

7. Dalam pada itu, pemandu teksi boleh terus mendapatkan penumpang secara konvensional atau *street hailing* dan pada masa yang sama boleh mengambil peluang ke atas penggunaan teknologi untuk mendapatkan penumpang dengan menggunakan kaedah *e-hailing*, iaitu menggunakan aplikasi mudah alih. Penggunaan konvensional akan masih berdasarkan harga siling menggunakan meter manakala tambang sistem aplikasi *e-hailing* akan diliberalisasi dan tidak dikawal selia, menjadikannya dinamik dan ditetapkan oleh permintaan pasaran.

8. Disamping itu, pemandu-pemandu taksi sedia ada juga disaran untuk memanfaatkan penggunaan teknologi dalam menyediakan perkhidmatan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan dan bersaing dengan pemberi perkhidmatan *e-hailing* yang lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDI BIN HASSAN**  
**[ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dato' Takiyuddin Bin Hassan [ Kota Bharu ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil ke arah mempertingkatkan pendapatan pemandu-pemandu teksi di negara ini yang kini terjejas dengan teruknya.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Satu makmal khusus telah dilaksanakan bagi mengenal pasti isu-isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pemain industri teksi. Makmal berkenaan telah melibatkan semua *stakeholders* yang berkenaan, termasuk pemandu teksi sendiri, agensi-agensi Kerajaan, syarikat-syarikat teksi dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO).
2. Hasil daripada makmal berkenaan telah melahirkan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) yang menyenaraikan 11 inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi dan pada masa yang sama memberi fokus yang khusus terhadap keperluan dan kebajikan pemandu teksi.
3. Antara inisiatif tersebut ialah untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing*, iaitu aktiviti tempahan perkhidmatan teksi atas talian melalui aplikasi pintar/mudah alih seperti UBER dan Grabcar sebagai perkhidmatan perantara di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Bagi tujuan ini, pindaan kepada undang-undang sedia ada akan dibentangkan di Parlimen pada mesyuarat pertama tahun ini.
4. Langkah kawal selia ini adalah untuk memastikan penggunaan teknologi membawa kesan yang positif bukan sahaja pemandu teksi, pemandu *e-hailing* dan penumpang, malah memberi ruang kepada

usahawan tempatan yang berminat untuk menerokai peluang dalam industri ini melalui pembangunan sistem aplikasi tempatan.

5. Pada masa yang sama, satu rangka polisi baru telah disediakan bagi memastikan pengendali perkhidmatan berkenaan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan memberi manfaat kepada pengguna dan juga pemandu. Ia juga bertujuan untuk memastikan penyelesaian yang adil dan saksama kepada semua pemain industri untuk bersaing secara lebih sihat.

6. Antaranya, penyedia perkhidmatan *e-hailing* akan diwajibkan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Selain itu, prosedur sama yang perlu dipatuhi oleh pemandu teksi juga terpakai kepada semua pemandu *e-hailing*, seperti keperluan untuk memiliki Kad Pemandu yang dikeluarkan oleh SPAD, pemeriksaan kenderaan serta proses saringan dan latihan yang akan ditetapkan. Melalui kaedah ini, kedua-dua perkhidmatan teksi konvensional dan juga *e-hailing* akan dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada orang awam.

7. Dalam pada itu, pemandu teksi boleh terus mendapatkan penumpang secara konvensional atau *street hailing* dan pada masa yang sama boleh mengambil peluang ke atas penggunaan teknologi untuk mendapatkan penumpang dengan menggunakan kaedah *e-hailing*, iaitu menggunakan aplikasi mudah alih. Penggunaan konvensional akan masih berdasarkan harga siling menggunakan meter manakala tambang sistem aplikasi *e-hailing* akan diliberalisasi dan tidak dikawal selia, menjadikannya dinamik dan ditetapkan oleh permintaan pasaran.

8. Disamping itu, pemandu-pemandu teksi sedia ada juga disaran untuk memanfaatkan penggunaan teknologi dalam menyediakan perkhidmatan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan dan bersaing dengan pemberi perkhidmatan *e-hailing* yang lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 5 APRIL 2017  
[RABU]**

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[TELOK KEMANG]**

**SOALAN :**

**YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) rancangan Kementerian untuk membantu golongan belia dan masyarakat di bandar bagi mencapai pendapatan di atas paras kemiskinan bandar; dan
- (b) sejauh manakah penetapan garis miskin bandar menjadi suatu dasar yang dapat memberikan kesan dan pemangkin untuk mengeluarkan G4 daripada paras kemiskinan.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11), Kerajaan komited untuk meningkatkan taraf hidup rakyat tanpa mengira gender, etnik, status sosio-ekonomi dan kedudukan geografi dengan lebih berkesan. Tumpuan diberikan kepada usaha untuk meningkat dan memperkukuhkan penyertaan rakyat, terutamanya kumpulan isi rumah berpendapatan rendah dalam aktiviti ekonomi supaya mereka lebih berdaya maju dan berdaya tahan dalam menjalani cabaran untuk menjadi sebuah negara maju dan inklusif menjelang tahun 2020. Antara rancangan Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup belia dan komuniti bandar termasuk:

- (i) memperluas program pendidikan dan latihan kemahiran dengan memberi fokus kepada pembangunan keupayaan dan potensi kumpulan sasar melalui pendidikan dan latihan kemahiran;
- (ii) meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu melalui pembiayaan mikro, latihan keusahawanan dan pemasaran dengan

- kerjasama strategik agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), TEKUN Nasional dan SMECorp bagi membantu usahawan bandar;
- (iii) menggalakkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi bagi meningkatkan potensi menjana pendapatan secara atas talian (*online*) seperti Program eRezeki dan eUsahawan di bawah inisiatif Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC);
- (iv) meningkatkan akses kepada perumahan mampu milik seperti Program Perumahan Rakyat (PPR), Skim MyHome, Program Perumahan 1Malaysia (PR1MA), Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dan Skim Rumah Pertamaku. Di samping itu, Rumah Transit turut disediakan untuk belia dan pasangan muda yang baharu berkahwin di bandar;
- (v) memperkenalkan bantuan sokongan bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat seperti Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Baucar Buku 1Malaysia; dan
- (vi) menambah baik penyampaian perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) kepada komuniti bandar dengan membangunkan kapasiti dan keupayaan PBT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) diguna pakai untuk mengukur tahap pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah yang meliputi keperluan makanan dan bukan makanan bagi membolehkan setiap isi rumah menjalani kehidupan yang sihat dan memainkan peranan aktif dalam masyarakat. PGK tersebut menjadi instrumen kepada Kerajaan bagi mengenal pasti isi rumah miskin dan miskin tegar di bandar dan di luar bandar.

PGK terdiri daripada dua komponen utama iaitu PGK makanan dan PGK bukan makanan. PGK juga mengambil kira lokasi isi rumah sama ada di bandar dan di luar bandar. Isi rumah yang berpendapatan kurang daripada PGK makanan didefinisikan sebagai isi rumah miskin tegar manakala isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada PGK keseluruhan (PGK makanan dan PGK bukan makanan) didefinisikan sebagai isi rumah miskin.

Penetapan garis kemiskinan ini membolehkan Kerajaan menyediakan bantuan sewajarnya kepada kumpulan sasar berasaskan kepada prinsip *need-based*. Selain itu, Kerajaan juga memberi perhatian kepada isi rumah mudah terjejas dan isi rumah berpendapatan rendah dalam kategori isi

rumah berpendapatan 40 peratus terendah berdasarkan kepada keperluan (*need-based*), khususnya dalam menghadapi keperluan hidup semasa, termasuk kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

5 April 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**[ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH** : **5 APRIL 2017**

**SOALAN** : **Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tentang impak ekonomi dan risiko yang dihadapi oleh Malaysia khususnya sektor minyak, gas industri perkapalan dan perikanan di Sarawak berikutan tuntutan negara China berdasarkan "Nine Dash Line". Berapakah anggaran bilangan pekerja terlibat dan jumlah nilai ekonomi aktiviti pengeluaran dan eksplorasi minyak dan gas yang kini berada di bawah kawasan "Nine Dash Line".

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Bandar Kuching di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Secara umumnya, isu Laut China Selatan melibatkan dua aspek:-

**Pertama, keperluan memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan, atau dengan izin, *freedom of navigation and over-flight*.**

**Kedua, tuntutan bertindih melibatkan beberapa buah negara iaitu Brunei Darussalam, Filipina, Malaysia, Vietnam serta China.**

Tuan Yang di-Pertua,

3. **Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua negara mestilah memastikan keamanan dan kestabilan, dan sebarang tindakan yang boleh menggugat keamanan dan kestabilan, menimbulkan ketegangan, kebimbangan dan kecurigaan serta bersifat provokatif hendaklah dielakkan. Di dalam konteks ini, *non-militarisation, self-restraint* serta mengelakkan penggunaan kekerasan adalah amat kritikal.**

4. Berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan, Malaysia berpendirian ia hendaklah **diselesaikan secara aman**. Semua tuntutan dan penyelesaiannya melalui rundingan dan sebagainya mestilah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah **Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982** atau **UNCLOS 1982**. Penyelesaian pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) atau Tribunal Timbangtara merupakan opsiyen yang diberikan oleh undang-undang antarabangsa.

5. **Malaysia, serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *nine-dash line* kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah **UNCLOS 1982**.**

6. Malaysia juga berpendirian bahawa **tidak wujud sebarang tuntutan bertindih atau pertikaian wilayah di antara Malaysia dan China di Laut China Selatan**.

7. Malaysia turut berpendirian bahawa semua ciri-ciri geografi atau dengan izin *maritime features* yang terdapat di dalam kawasan maritim Malaysia merupakan kepunyaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani **Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Declaration***

***on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)*** pada 4 November 2002.

9. Melalui *DOC*, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara aman.

10. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang berusaha untuk mewujudkan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Code of Conduct in the South China Sea (COC)***.

11. Sayugia saya nyatakan bahawa *DOC* serta *COC* yang sedang diusahakan bukanlah instrumen untuk menyelesaikan tuntutan bertindih di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, Kerajaan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Segala isu akan diteliti dari segenap aspek dan sebarang tindakan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

13. Rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan kepentingan dan keselamatan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara.

14. Saya juga ingin tegaskan bahawa Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 05.04.2017**

**SOALAN : 38**

**Puan Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kes tangkapan SPRM dan jumlah kes yang didakwa di mahkamah untuk dikenakan tindakan bagi tahun 2015,2016 dan sehingga Februari 2017.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2015, 2016 dan sehingga Februari 2017, jumlah kes tangkapan SPRM adalah seramai 1,942 orang manakala jumlah kes yang didakwa di mahkamah adalah sebanyak 491 kes.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO:39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR CHE ROSLI BIN CHE MAT**

**[ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**SOALAN :**

**Dr. Che Rosli Bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah masalah besar dan kekangan yang dihadapi oleh Kementerian dalam usaha untuk menghapuskan penyakit Denggi yang masih berleluasa dalam negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada tahun 2016, jumlah kumulatif kes Demam Denggi adalah sebanyak 101,357 kes iaitu penurunan sebanyak 16.1% berbanding tahun 2015 yang telah melaporkan sebanyak 120,836 kes. Manakala jumlah kumulatif kematian Denggi di seluruh negara juga menunjukkan

penurunan sebanyak 29.5% bagi tahun 2016, iaitu sebanyak 237 kematian berbanding 336 kematian pada tahun 2015. Pada keseluruhannya terdapat pengurangan kes dan kematian penyakit Demam Denggi berbanding tahun lepas dan usaha serta kerjasama bersama-sama kementerian dan agensi lain untuk memastikan penurunan ini akan dipergiatkan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terdapat beberapa faktor dan masalah dihadapi dalam usaha untuk menangani Denggi seperti:

- i. Faktor persekitaran yang tidak bersih, longgokan sampah haram menyebabkan banyak bekas berpotensi yang menakung air boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Ditambah pula dengan tabiat masyarakat membuang sampah merata-rata menjadikan lebih banyak tempat pembiakan Aedes;
- ii. Perubahan cuaca apabila musim hujan maka banyak takungan air dan memudahkan nyamuk mencari tempat bertelur dan seterusnya meningkatkan populasi nyamuk sebagai penyebar virus denggi di kalangan komuniti;
- iii. Pada masa musim panas pula ianya menyebabkan nyamuk lebih aktif menggigit menyebabkan bilangan individu digigit lebih ramai dan sebaran virus denggi di kalangan manusia akan lebih meluas;

- iv. Bagi faktor perumah (host) di mana individu yang telah dijangkiti virus juga bergerak dari satu tempat ke tempat lain akan menyebarkan virus denggi di kawasan baru. Pergerakan perumah (host) yang meluas dengan kemudahan pengangkutan awam masa kini menyebabkan sebaran virus ini lebih cepat;
- v. Virus denggi mempunyai empat (4) serotaip iaitu DEN 1, 2, 3 dan 4. Perubahan serotaip virus contohnya dari DEN 2 kepada DEN 1 di kalangan komuniti boleh menyebabkan peningkatan kes dan kematian denggi ini adalah kerana ramai individu yang tidak immun dengan serotaip DEN yang baru; dan
- vi. Nyamuk Aedes adalah "efficient" vektor untuk denggi di mana telur nyamuk Aedes boleh bertahan selama enam (6) hingga sembilan (9) bulan di tempat lembab dan apabila terdapat air, telur ini boleh menetas menjadi nyamuk dewasa. Di samping itu, pemindahan virus denggi dari nyamuk yang dijangkiti virus kepada telurnya (*transovarial transmission*) juga boleh berlaku sehingga ke beberapa generasi nyamuk tersebut. Oleh itu, sebaran virus masih terus berlaku kepada manusia.

Oleh itu, kaedah pencegahan denggi yang paling berkesan ialah penglibatan masyarakat dalam melaksanakan aktiviti menghapuskan tempat pembiakan Aedes setiap minggu. Amalan masyarakat mengutamakan kebersihan persekitaran perlu dipupuk dari sekarang kerana perubahan tingkahlaku masyarakat adalah sangat penting untuk menghalang kejadian kes demam denggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIVARASA A/L K.  
RASIAH [ SUBANG ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Suruhanjaya Pilihan Raya tidak mencadangkan persempadanan semula kepada N33 Paya Terubong dan N23 Air Putih di Pulau Pinang yang bersebelahan sungguhpun jumlah pengundi N33 (41,707) adalah 3.27 kali jumlah pengundi N23 (12,752).

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu yang sedang dilaksanakan kini adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:-

- (a) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- (b) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- (c) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran

- perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- (d) Memelihara hubungan tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, urusan kajian semula persempadanan bagi Negeri Pulau Pinang kini sedang dilaksanakan melalui unit kajian Negeri-Negeri Tanah Melayu. Kajian ini masih belum selesai dan satu kes berkaitan isu ini di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah pun selesai diputuskan pada 13 Mac 2017 yang berpihak kepada SPR. Pihak SPR masih menunggu sama ada rayuan akan difailkan memandangkan tempoh masa untuk memfailkan rayuan adalah sehingga 12 April 2017. Laporan akhir persempadanan akan dimuktamadkan bagi pembentangan dan kelulusan Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK  
MOHAMAD**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**RUJUKAN : 9707**

**SOALAN:**

**Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kos perbelanjaan untuk menyenggara pelatih-pelatih yang berada di pusat pemulihan dadah daripada tahun 2011 ke 2016 berbanding dengan kejayaan pihak Kerajaan menyelesaikan masalah penagihan dadah.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kos keseluruhan perbelanjaan bagi menyenggara pelatih-pelatih yang berada di pusat pemulihan dadah dari tahun 2011 hingga 2016 adalah sebanyak RM 778,525,559.61. Perbelanjaan keseluruhan ini merangkumi perbelanjaan seperti emolumen pegawai dan kakitangan, bayaran utiliti, sewaan bangunan dan peralatan, pembelian bahan makanan dan minuman serta bayaran perkhidmatan.**

**Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sentiasa memantau aspek kepulihan klien termasuklah melalui program dalam komuniti yang melibatkan klien-klien yang dibebaskan. Pada tahun 2016, seramai 12,362 orang klien yang meneruskan program pemulihan dalam komuniti sebagai Orang Kena Pengawasan (OKP) setelah dibebaskan dari Pusat Pemulihan AADK, telah dinilai daripada segi pengekalan kepulihan mereka. Daripada jumlah tersebut, 7,443 (60%) OKP telah memenuhi kriteria kekal pulih. Kriteria kekal pulih meliputi kategori baik dan cemerlang berdasarkan tempoh setahun mereka mengikuti program pemulihan yang dijalankan. Ini melebihi sasaran 40% pengekalan kepulihan yang telah ditetapkan dalam *Key Performance Indicator* (KPI) Kementerian untuk tahun 2016.**

**Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, AADK melaksanakan program penilaian dan pengukuran kepulihan**

**menggunakan instrumen pengukuran kepulihan yang dihasilkan berasaskan amalan terbaik prinsip-prinsip kepulihan SAMSHA (*Substance Abuse And Mental Health Services Administration*) di bawah *Institute National of Drug Abuse*.**

**Kaedah ini mengguna pakai 6 indeks kepulihan seperti berikut:**

- 1) Penggunaan dadah dan bahan**
- 2) Sokongan kepulihan**
- 3) Pekerjaan**
- 4) Kefungsian sosial**
- 5) Kesediaan untuk berubah**
- 6) Kesihatan psikologikal dan mental**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @  
NYALLAU ANAK BADAK [  
LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 5.4.2017 (RABU)**

**SOALAN : 42**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kenapa pembinaan naik taraf jalan ke Ulu Skrang tidak ada tanda-tanda menunjukkan sebarang kemajuan pembinaan akan bermula.

## **JAWAPAN :**

Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Ulu Skrang, Lubok Antu, Sarawak (Fasa 2) merupakan projek yang diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Tahun 2016. Status terkini projek adalah dalam peringkat pelantikan perunding dan dijangka akan dimuktamadkan pada April 2017. Kementerian menjangkakan pelantikan kontraktor dapat dimuktamadkan selewat-lewatnya pada September 2017.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [  
TANJONG PIAI ]**

**TARIKH : 5.4.2017 (RABU)**

**SOALAN : 43**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mempersiapkan kepimpinan penduduk menghadapi deru pembangunan susulan pembangunan pesat di kawasan Tanjong Piai dan pembinaan jambatan yang menghubungkan Johor Bahru dan Pontian melalui Sungai Pulai.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

KKLW sentiasa komited dalam mempersiapkan kepimpinan masyarakat luar bandar, khususnya JKKK/P dalam menghadapi arus pembangunan yang pesat terutamanya di kawasan luar bandar. Sebagai contoh, melalui aplikasi I-Desa bagi Parlimen Tanjung Piai, KKLW telah memuatnaik 50 profil kampung yang terdapat dalam kawasan ini. Menerusi aplikasi ini, masyarakat sekitar akan dapat mengambil manfaat dari maklumat-maklumat berkaitan kampung tersebut seperti kemudahan *homestay*, hasil produk kampung dan sebagainya.

Bagi Tahun 2017, KKLW telah merancang 115 siri kursus / latihan kepimpinan dan keusahawanan untuk kesemua JKKK/P di seluruh negara. Ini termasuklah seramai 750 bilangan anggota Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di Parlimen Tanjung Piai yang akan mengambil peluang menyertai program-program yang disusun oleh Kementerian ini dalam memastikan JKKK di Parlimen Tanjung Piai mempersiapkan diri selari dengan arus pembangunan

yang sedang pesat berkembang di kawasan luar bandar khususnya di Parlimen Tanjong Piai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM  
[SARATOK ]  
TARIKH : 5 APRIL 2017  
SOALAN :**

**YB Tan Sri William Mawan Ikom [ Saratok ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggunakan Nyamuk Genetik sebagai agen mengawal nyamuk *Aedes* dan apakah rasional penggunaan nyamuk tersebut serta implikasi kepada alam sekitar.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan tidak berhasrat dan tidak mempunyai rancangan untuk menggunakan Nyamuk Genetik sebagai agen mengawal nyamuk *Aedes*. Walau bagaimanapun terdapat negara-negara seperti Cayman Island dan Brazil yang telah melepaskan Nyamuk *Aedes* Genetik untuk mengawal nyamuk aedes. Sehingga kini, tiada implikasi negatif terhadap alam sekitar dilaporkan daripada negara-negara tersebut.

**SOALAN (45)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 5 APRIL 2017 [RABU]**

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG  
[BUKIT MERTA JAM]**

**SOALAN :**

**YB TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pekerja mengikut pecahan umur, negeri, industri, status perkahwinan, kategori pekerjaan, pendidikan, kurungan gaji. Nyatakan kadar penyertaan buruh lelaki, wanita, belia dan juga kadar pengangguran bagi ketiga-tiga kategori tersebut.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Penyiasatan Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pada separuh tahun pertama 2016, penduduk bekerja di Malaysia adalah 14,115,400 orang. Penduduk bekerja separuh tahun pertama 2016 mengikut kumpulan umur: 15-24 tahun 2,339,100 orang, 25-34 tahun 4,834,200 orang, 35-44 tahun 3,313,300 orang, 45-54 tahun 2,496,700 orang dan 55-64 tahun 1,132,000 orang.

Penduduk bekerja separuh tahun pertama 2016 mengikut pencapaian pendidikan pula adalah: tiada pendidikan rasmi 417,500 orang, rendah 2,061,100 orang, menengah 7,777,300 orang dan tertuari 3,859,700 orang.

Kadar penyertaan tenaga buruh separuh tahun pertama 2016 bagi Malaysia ialah 67.5 peratus. Kadar penyertaan tenaga buruh lelaki 80.0 peratus dan perempuan 54.1 peratus. Kadar penyertaan tenaga buruh belia berumur 15 hingga 24 tahun adalah 42.9 peratus.

Kadar pengangguran separuh tahun pertama 2016 bagi Malaysia ialah 3.4 peratus. Kadar pengangguran lelaki 3.1 peratus dan perempuan 4.0 peratus. Kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun adalah 10.3 peratus.

Sekian, terima kasih

5 April 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD**  
**[ LANGKAWI ]**  
**TARIKH : 05 APRIL 2017**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [ Langkawi ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kriteria yang dinilai oleh pihak Kementerian dalam menetapkan golongan yang layak menerima subsidi ketika rakyat menerima rawatan di pusat pergigian Kerajaan.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Seperti yang sedia maklum, kos sebenar rawatan pergigian yang merangkumi kos bahan, kos peralatan, kos perkhidmatan sokongan serta emolumen telah semakin meningkat. Banyak prosedur pergigian biasa di klinik primer dan prosedur baharu serta kompleks di bawah bidang kepakaran yang tidak disenaraikan sebelum ini telah dibekalkan secara percuma di mana kos sebenarnya menelan belanja yang tinggi kerana

kebanyakannya memerlukan peralatan atau bahan pergigian yang canggih dan diimport.

Justeru, pengemaskinian prosedur dan caj rawatan pergigian merupakan salah satu daripada beberapa bahagian dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 yang telah dikaji semula. Ia telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 September 2016.

Caj bagi rawatan pergigian (Jadual F) dalam Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 adalah menunjukkan kos rawatan asas semasa (bersubsidi) bagi rawatan pergigian di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Semakan caj pergigian ini adalah hanya melibatkan pengurangan subsidi bagi pesakit **Kelas 1 dan Kelas 2** manakala caj rawatan pergigian sedia ada bagi pesakit **kelas 3** (pesakit dalam) adalah **dikekalkan**.

Walaupun sememangnya terdapat keperluan kenaikan caj bagi prosedur rawatan sedia ada, Kerajaan terus komited memberikan subsidi yang tinggi bagi rakyat termasuk rawatan pesakit luar. Justeru caj rawatan pergigian sedia ada bagi **pesakit luar adalah kekal** misalnya pesakit luar hanya perlu membayar sekadar RM2 untuk penskaleran dan penggilapan gigi (scaling/cuci gigi), RM2 untuk tampalan gigi dan RM1 untuk cabutan gigi.

Pengecualian bayaran bagi golongan tertentu termasuk **mereka yang kurang berkemampuan** juga adalah dikekalkan seperti sedia ada

mengikut tatacara yang telah digariskan. Ini menunjukkan Kerajaan sememangnya terus komited untuk memberikan perkhidmatan dan rawatan kesihatan berkualiti tinggi pada kadar yang berpatutan kepada semua Rakyat Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH  
BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017 (RABU)**

**SOALAN : 47**

**Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pembinaan rumah oleh PR1MA mengikut negeri semenjak perancangan projek tersebut sehingga kini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sebanyak 131,489 unit kediaman (129 projek) sedang dalam pembinaan di seluruh negara. Lokasi projek yang telah memulakan pembinaan ialah di Johor 8,048 unit, Kedah 10,798 unit, Kelantan 2,719 unit, Melaka 22,514 unit, Negeri Sembilan 7,626 unit, Pahang 8,631 unit, Pulau Pinang 11,720 unit, Perak 9,888 unit, Perlis 3,579, Sabah 18,554 unit, Sarawak 6,868 unit, Selangor 11,995 unit, Terengganu 2,266 unit, dan Kuala Lumpur 6,283 unit.

Alhamdulillah, sebanyak 8,475 unit kediaman PR1MA telah siap dibina iaitu di Presint 11, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kuala Ketil serta Sungai Petani 1 & 2 di Kedah, Alam Damai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Taman Nusantara dan Layangkasa di Johor dan Bagan Serai, Bandar Meru Raya, Kamunting dan Sungai Siput di Perak.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN OOI CHUAN AUN**  
**[ JELUTONG ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan; kenapa Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tidak diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan secara konsisten seperti Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang serta lain-lain lembaga pelabuhan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengangkutan awam darat merupakan salah satu cabang dari pengangkutan yang secara umumnya meliputi pelbagai sektor yang luas, termasuklah penggunaan kenderaan persendirian, pengangkutan udara dan pengangkutan laut. Pada masa yang sama, pengangkutan awam darat merupakan satu perkara yang besar dan memerlukan fokus, kepakaran dan sumber yang khusus bagi merancang, menyelaraskan dan melaksanakan inisiatif yang dibangunkan untuk meningkatkan mutu dan kualiti penyampaian pengangkutan awam agar ia cekap, baik dan mampu digunakan oleh rakyat.

2. Oleh yang demikian, penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sebagai satu entiti yang berasingan daripada Kementerian Pengangkutan adalah salah satu daripada langkah di bawah Program Transformasi Kerajaan bagi mewujudkan landasan yang optimum untuk memulakan transformasi pihak berkuasa berkaitan pengangkutan awam darat demi memastikan perkhidmatan pengangkutan awam yang bermutu dapat dinikmati oleh rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI**  
**[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 5.4.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah menara telekomunikasi 1BRIS yang sudah dipasang di seluruh negara, dan berapa lagi yang akan dipasang serta garis masanya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan tapak struktur menara telekomunikasi 1BRIS di seluruh negara bagi perkhidmatan 1BestariNet Fasa 1 sehingga 30 Jun 2016 ialah sebanyak 2,017 tapak. Manakala, bagi pelaksanaan Perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2 bagi tempoh 1 Julai 2016 hingga 30 Jun 2019, sebanyak 1,000 struktur menara telekomunikasi 1BRIS akan dibina dan 400 daripada jumlah tersebut akan dibina di Negeri Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
(KOTA KINABALU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 05.04.2017**

**Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [ KOTA KINABALU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai nama syarikat-syarikat perkapalan yang diberi pengecualian cukai oleh Kerajaan terutamanya yang terlibat dalam Dasar Kabotaj. Jumlah pelepasan cukai kepada syarikat perkapalan tiap-tiap tahun sejak ia dilaksanakan. Mengapakah syarikat-syarikat tersebut masih diberi pengecualian cukai sehingga kini.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Dasar Kabotaj menghadkan perkhidmatan pengangkutan barangan dan penumpang

di perairan Malaysia dan Zon Ekonomi Eksklusif disediakan oleh kapal-kapal Malaysia sahaja di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Ini bertujuan antara lainnya untuk menambahbaik kedudukan imbangan pembayaran Negara dan meningkatkan daya saing syarikat perkapalan Malaysia.

2. Pendapatan perniagaan sesuatu kapal Malaysia diberi pengecualian cukai pendapatan di bawah Seksyen 54A, Akta Cukai Pendapatan 1967 tanpa mengambilkira Dasar Kabotaj atau tidak. Layanan pengecualian cukai pendapatan tersebut telah dapat membantu meningkatkan penyertaan syarikat perkapalan tempatan untuk bersaing dan menawarkan perkhidmatan domestik pada harga yang kompetitif kepada pelanggan, mengurangkan kebergantungan Negara kepada kapal-kapal asing serta mengurangkan aliran keluar wang dalam bentuk kos fret (*freight*) dan insuran dalam penyata imbangan pembayaran Kerajaan.

3. Sungguhpun begitu, dalam usaha untuk merasionalisasikan pengecualian cukai pendapatan yang telah diberi sejak sekian lama kepada syarikat perkapalan Malaysia, kadar pengecualian cukai di bawah Seksyen 54A Akta Cukai Pendapatan 1967 telah dikurangkan daripada 100% kepada 70% mulai tahun taksiran 2012. Jumlah pelepasan cukai pendapatan yang telah dituntut oleh syarikat perkapalan Malaysia mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2015 adalah sebanyak RM2.29 bilion.

4. Maklumat secara khusus mengenai setiap syarikat perkapalan yang menuntut pengecualian cukai pendapatan tidak boleh dibekalkan kerana maklumat pembayar cukai adalah dilindungi dan tidak boleh didedahkan, selaras dengan peruntukan kerahsiaan di bawah Seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK AGO ANAK DAGANG  
@ AARON [ KANOWIT ]**

**TARIKH : 5.4.2017 (RABU)**

**SOALAN : 51**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan dasar dan program Kementerian bagi membangunkan lebih banyak lagi projek Mini- dan Micro- hydro di pedalaman Sarawak dan Sabah supaya penduduk luar bandar dapat bekalan elektrik sepenuh masa.

## **JAWAPAN :**

Untuk makluman Yang Berhormat, kaedah pelaksanaan projek sama ada secara Mini atau Mikro Hidro adalah tertakluk kepada perancangan dan kesesuaian projek yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Kementerian Kemudahan Awam Sarawak (KKAS) bagi negeri Sarawak dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLB) bagi negeri Sabah setelah mengambil kira kesesuaian lokasi dan sumber air bagi penjanaan tenaga elektrik.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, setiap sistem bekalan elektrik yang dilaksanakan oleh Kementerian sama ada secara sistem grid atau alternatif adalah mengambil kira penjanaan sistem bekalan elektrik kepada penduduk luar bandar secara 24 jam.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**TARIKH : 5.4.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan punca kemerosotan prestasi UPSR 2016 serta langkah-langkah Kementerian menangani permasalahan tersebut.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin menegaskan bahawa prestasi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun 2016 tidak boleh dibandingkan dengan UPSR tahun 2015 kerana kedua-duanya berbeza dari segi format. Perbezaan format ini sejajar dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan melengkapinya pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di samping pembudayaan unsur-unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). KPM sentiasa mengambil langkah mengenal pasti punca kelemahan dalam pelaksanaan sesuatu program dan berusaha membaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kelas serta meningkatkan motivasi murid agar mereka lebih gigih berusaha meningkatkan pencapaian mereka.

**NO. SOALAN: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO' MOHD  
YAZID**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**RUJUKAN : 9708**

**SOALAN:**

**Datin Mastura Binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah keberkesanan dan jumlah  
pemohon terhadap pemberian "E-card" (enforcement card) untuk PATI yang  
tidak mempunyai permit untuk tempoh satu tahun.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Program *Enforcement Card* (E-Kad) merupakan suatu inisiatif yang dilancarkan oleh Kerajaan bertujuan untuk memberi peluang kepada Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) tanpa dokumen perjalanan yang sah dan bekerja secara haram di Malaysia diberikan kad kebenaran bekerja sementara bagi memenuhi sektor formal yang dibenarkan. Program ini turut dirangka untuk memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan tenaga kerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja serta membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam negara bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa. Majikan dan PATI yang telah didaftarkan seterusnya perlu mendapatkan dokumen (Pasport) daripada pihak kedutaan yang berkenaan bagi membolehkan PATI tersebut diputihkan melalui program ini.**

**Pelaksanaan program ini akan dilakukan dengan berhati-hati dan terkawal supaya tidak berlaku kes-kes penipuan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengambil peluang untuk mengaut keuntungan daripada PATI. Bagi tujuan ini, Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang ketat terhadap PATI dan Majikan untuk menyertai Program ini serta akan memastikan mana-mana PATI yang tidak layak akan dihantar pulang ke negara asal mengikut prosedur sedia ada iaitu Program 3 +1 bagi memastikan pengurangan lambakan PATI dalam negara.**

**Mana-mana Majikan yang didapati menggaji PATI tanpa berdaftar di bawah apa-apa Program yang berkuat kuasa sekarang ini akan dikenakan hukuman yang berat mengikut perundangan sedia ada melibatkan kesalahan menggaji PATI iaitu seperti mana tertakluk di bawah seksyen 55 (B) Akta Imigresen 1959/63 yang mengenakan hukuman denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali.**

**Berdasarkan statistik oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), jumlah pengeluaran E-Kad kepada pemohon dalam tempoh 15 Februari 2017 hingga 22 Mac 2017 adalah sebanyak 28,318 kad.**

**SOALAN NO. : 54**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM  
[ BALING ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017 (RABU)**

**NO. RUJUKAN :**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jabatan yang terbabit untuk mempercepatkan projek tebatan banjir di kawasan mukim Siong dan Bongor kerana banjir berlaku setiap tahun.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan yang terbabit adalah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk melaksanakan projek tebatan banjir di kawasan Mukim Siong dan Bongor. Dalam hal ini, peruntukan yang telah diluluskan bagi melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Daerah Baling adalah sebanyak RM15 juta. Projek tersebut meliputi kawasan mukim Siong dan Bongor. Skop kerja yang terlibat adalah merangkumi kerja pembinaan ban, pengukuhan tebing, pengorekan sungai, pembinaan *drainage outlet* saluran dalaman dan juga pengambilan tanah. Pihak Kementerian ketika ini sedang dalam proses penyediaan rekabentuk terperinci dan projek ini dijangka akan ditender pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL  
GHAPUR BIN SALLEH [KALABAKAN]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017 [RABU]**

**SOALAN :**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan] minta Perdana Menteri menyatakan bahawa Malaysia diberi kuota haji mengikut kaedah 1% daripada penduduk Malaysia dan ini bererti 28,000 yang layak. Berapakah daripada jumlah ini diperuntukkan kepada Negeri Sabah.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada pengagihan atau peruntukan kuota khas kepada mana-mana negeri di Malaysia. *TH* mengamalkan sistem pendaftaran haji terbuka berdasarkan konsep yang mendaftar dahulu didahulukan sejak dari 1995. Sehubungan itu, pemilihan bakal haji untuk menunaikan fardhu haji setiap tahun adalah berdasarkan tarikh dan masa pendaftaran haji mereka. Tawaran untuk menunaikan haji ke Tanah Suci akan dibuat kepada mereka yang telah tiba giliran pada tahun semasa.

Berhubung dengan jumlah kuota haji Malaysia, dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) pada tahun 1978 di Amman, Jordan, telah memutuskan bahawa Kerajaan Arab Saudi menetapkan kuota haji setiap negara pada kadar 0.1 % daripada penduduk sesebuah negara berasaskan perangkaan Prospek Populasi Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nation's World Population Prospect*).

Bersempena dengan lawatan negara Raja Salman bin Abdul Aziz Al Saud, Raja Arab Saudi ke Malaysia baru-baru ini, kadar kuota rasmi haji Malaysia daripada 27,900 orang meningkat kepada 30,200 orang jemaah sebagaimana yang dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa menjawab Waktu Pertanyaan Menteri pada 16 Mac 2017 yang lalu. Sehubungan itu, Lembaga Tabung Haji (TH) telah menerima maklumbalas dari Kerajaan Arab Saudi bahawa kuota rasmi haji Malaysia bagi musim haji 1438H/2017M adalah sebanyak 30,200 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU  
NAIDU  
(BATU GAJAH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 05.04.2017**

**Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [ BATU  
GAJAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengecualikan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bagi premium Insurans Kesihatan sebagai langkah menggalakkan orang ramai membeli insurans berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya, dasar yang ditetapkan bagi pembekalan produk insurans hayat, reinsurans hayat, takaful keluarga atau retakaful keluarga dibawah Akta Cukai Barang

dan Perkhidmatan 2014 adalah pembekalan yang dikecualikan. Insurans jenis ini merupakan simpanan jangka panjang dan perlindungan untuk pemegang polisi dan tanggungan mereka sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya. Manakala pembekalan produk insurans am atau takaful am bagi perlindungan jangka pendek secara tahunan atau sebahagian daripadanya ke atas harta dan liabiliti daripada sebarang kehilangan atau kerosakan adalah tertakluk kepada GST pada kadar standard.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [ KLUANG ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017 (RABU)**

**SOALAN : 57**

**TUAN LIEW CHIN TONG [ KLUANG ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang pembayaran pampasan kepada pemilik hartanah yang memberi laluan kepada pembinaan projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru:-

- a) proses, garis panduan, jangka masa pelaksanaan serta agensi-agensi yang terlibat dalam penilaian dan pembayaran pampasan dan
- b) jumlah pembayaran yang telah dikeluarkan dan yang masih dipertimbangkan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Semakan terhadap Akta Pengambilan Tanah (APT)1960, Proses pembayaran pampasan kepada pemilik hartanah adalah tertakluk kepada Akta Pengambilan Tanah 1960 yang diuruskan oleh setiap negeri di Malaysia melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian (JKPTG) dan Pentadbir Tanah Daerah yang terlibat dengan pelaksanaan projek. Mengikut perlembagaan Persekutuan, Tanah adalah di bawah bidang kuasa Eksekutif kerajaan negeri. Tujuan Akta Pengambilan Tanah adalah untuk memastikan proses pembayaran pampasan adalah teratur dan mencukupi. Garis panduan serta tatacara setiap proses pengambilan tanah termasuk proses penilaian dan pembayaran pampasan boleh dirujuk kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri (JKPTG).

Pihak yang terlibat dalam memproses penilaian dan pembayaran pampasan tanah ialah Pentadbir Tanah Daerah dan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri. Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri akan membuat penilaian dan kajian terperinci ke atas semua kerugian yang boleh dituntut dan menasihati Pentadbir Tanah dalam semua perkara berkaitan pampasan tersebut. Pampasan disyorkan adalah berdasarkan kepada Jadual Pertama Akta Pengambilan Tanah 1960 (pindaan).

Pihak berkepentingan yang tidak berpuas hati dengan tawaran pampasan boleh mengemukakan rayuan kepada Pentadbir Tanah dalam tempoh enam (6) minggu dari tarikh borang G dikeluarkan.

Rayuan dibuat melalui Mahkamah Tinggi dengan menggunakan Borang N. Walau bagaimanapun bantahan hanya boleh dibuat terhadap:

- i. Ukuran Tanah
- ii. Amaun pampasan
- iii. Siapa yang patut dibayar pampasan
- iv. Pembahagian pampasan.

Penentuan penilaian pampasan berdasarkan Jadual pertama Akta pengambilan tanah 1960 adalah mengambilkira perkara-perkara berikut:

- i. Nilai pasaran tanah yang diambil
- ii. Naik-nilai (*Betterment*)
- iii. Pecah-pisah (*Severance*)
- iv. Penjejasan terbabit (*injurious Affection*)
- v. Perbelanjaan sampingan akibat berpindah tempat kediaman atau tempat perniagaan
- vi. Kerja-kerja Akomodasi (*Accommodation works*)

Berdasarkan seksyen 29 Akta Pengambilan Tanah 1960, Pentadbir tanah bertanggungjawab membayar pampasan dan bayaran pampasan tersebut hendaklah dibuat dengan seberapa segera selepas menyerahkan borang G (award pampasan bertulis) dan borang H (notis tawaran pampasan) kepada orang yang berhak. Dalam tempoh 3 bulan selepas menerima borang G dan H, Kementerian / Jabatan berkaitan hendaklah segera membayar pampasan yang ditetapkan.

Secara umumnya proses pengambilan balik tanah sehingga selesai pembayaran mengambil masa diantara sembilan hingga dua belas bulan.

- b) Setakat ini, bayaran pampasan sebanyak **RM 95,584,693.50** telah dibayar kepada pemilik hartanah yang terlibat dalam jajaran pelaksanaan projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas Johor Bahru manakala baki sebanyak **RM472,822.00** yang masih dalam pertimbangan.